

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, November 3, 2019 11:43 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kedah Ekspo Digital Peneraju Kemajuan Dunia Digital



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 NOVEMBER 2019 / 6 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Akmal Ahlami Md Rozai dan Seksyen Media

KEDAH EKSPLO DIGITAL PENERAJU KEMAJUAN DUNIA DIGITAL



UUM ONLINE: Alor Setar - Bagi merealisasikan impian melihat rakyat negeri Kedah menjadi peneraju kepada kemajuan tanah air dalam dunia digital, Kerajaan Negeri Kedah telah menganjurkan Kedah Ekspo Digital 2019 selama tiga hari.

Menteri Besar, Dato' Seri Mukhriz Tun Mahathir berkata, penganjuran Kedah Ekspo Digital itu akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dan perkembangan era digital di negeri Kedah.

Menurutnya, dalam mendepani gelombang Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), kerajaan negeri telah melakukan persiapan dengan menarik kedatangan pelabur-pelabur asing yang mana kebanyakan mereka ini membawa pelaburan berjumlah berbilion ringgit.

Katanya, Kedah mencatatkan kemasukan pelaburan bernilai sebanyak RM7.71 bilion bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini dan sasaran keseluruhan tahun 2019 adalah sebanyak RM10 bilion dalam nilai pelaburan.

“Di sebalik segala usaha kita membawa masuk pelabur-pelabur itu yang diyakini mampu membawa negeri ini keluar daripada status negeri miskin pada masa akan datang, adakah kita sudah benar-benar bersedia untuk turut serta menceburi bidang-bidang baharu?”

“Adakah anak-anak kita di Kedah yang bakal menamatkan pelajaran di menara-menara gading, sudah bersedia untuk mengisi pasaran kerja yang dipenuhi dengan elemen-elemen Automasi, *Internet of Things* (IOT), *Big Data Analysis*, mahu pun *Artificial Intelligence* (AI)?,” katanya pada Majlis Perasmian Kedah Ekspo Digital di Aman Central, kelmarin.

Beliau berkata, ramai anak Kedah yang berbakat dan berkemahiran tinggi bekerja di negeri-negeri lain kerana ketika ini, tiada peluang pekerjaan yang sepadan dengan kemahiran mereka di negeri sendiri.

Menurutnya, bagi merealisasikan impian itu, semua pihak harus berganding bahu dan bekerjasama dari sekarang termasuk di rumah yang mana kalangan ibu bapa diharap dapat sedikit sebanyak menanam minat anak-anak terhadap bidang sains secara ‘melentur buluh’, sebelum pemahaman mereka terhadap perkara itu dimantapkan lagi menerusi teori dan eksperimen asas di sekolah rendah.

Manakala di peringkat menengah, katanya, anak-anak ini kemudiannya diharap dapat dibawa untuk lebih cenderung ke bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), seterusnya setelah melangkah ke institusi pengajian tinggi, mahasiswa ini kemudiannya berpeluang memiliki pengalaman untuk sekurang-kurangnya menjalani latihan amali dalam bidang berkaitan, hasil kerjasama antara pihak universiti dan industri.

“Bertitik tolak dari situlah, kerajaan negeri ketika ini sentiasa mengharapkan jalinan kerjasama semua pihak dan agensi, selain mengharapkan masing-masing tidak hanya bekerja dalam ‘silo’ supaya segala gerak kerja dapat dimantapkan demi mencapai hasrat serta cita-cita besar ini.

“Kerajaan negeri juga amat menyedari akan hakikat betapa ekonomi digital kian berkembang pesat dan bakal menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi pada masa akan datang,” katanya.

Dato’ Seri Mukhriz berkata, ketika ini ramai yang merasa bimbang mengenai masa depan anak-anak kerana terdapat ramalan menyatakan sebanyak 75 juta pekerjaan bakal pupus dalam tempoh beberapa tahun akan datang akibat perkembangan IR4.0 yang kian memuncak.

Namun, menurutnya, semua perlu sedar bahawa peluang-peluang pekerjaan baharu juga akan muncul bagai cendawan selepas hujan, cuma masing-masing perlu bijak mencari ruang dan peluang untuk memanfaatkannya.

“Dengan dunia serba digital, segalanya bukan lagi mustahil. Lihat saja bagaimana syarikat *e-hailing* boleh menawarkan perkhidmatan kenderaan tanpa memiliki kereta sendiri. Begitu juga bagaimana laman web pelancongan boleh meraih pendapatan lumayan dengan menawarkan sewaan hotel tanpa memiliki hotel sendiri.

“Peluang dan ruang seperti inilah yang sepatutnya diraih oleh anak-anak Kedah yang hanya memerlukan kesungguhan, kreativiti dan keterbukaan untuk menerima dan mempelajari sesuatu yang baharu. Jika ini dapat dilakukan, tidak mustahil Kedah mampu menjadi pengeluar utama kepada bakat-bakat baharu dalam dunia ekonomi digital,” katanya.

Tambah beliau lagi, ilmu pengetahuan itu kuasa atau *‘Knowledge Is Power’*, justeru bertindak dari sekarang, mulakan langkah transformasi agar tidak ditinggalkan oleh pesaing.

Beliau turut meluangkan masa melawat booth pameran Universiti Utara Malaysia (UUM) yang diwakili Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC), UUMIT dan Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA).

Kedah Ekspo Digital yang berlangsung mulai 1 hingga 3 November itu juga disertai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia dan Telekom Malaysia Berhad (TM) serta syarikat telekomunikasi seperti Celcom, Digi dan Maxis.

Antara aktiviti dijalankan selama tiga hari itu adalah pameran dan demo, *digital talk*, pertunjukan inovasi digital, pendaftaran dan aktiviti E-Sport, persembahan busking dan kuiz.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.